

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST dari tahun 2016 sehingga 2018 dan jumlah kutipan SST dari tahun 2018 sehingga sekarang. Nyatakan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan SST dalam menurunkan kadar inflasi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan bersih Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), iaitu setelah ditolak *refund* dari tahun 2016 sehingga dimansuhkan pada 1 Jun 2018 adalah sebanyak **RM105.76 billion**. Manakala bagi Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (MySST), jumlah kutipan bersih semenjak diperkenalkan semula dari 1 September 2018 sehingga 31 Oktober 2020 adalah sebanyak **RM52.95 billion**.

Dari segi Indeks Harga Pengguna (IHP), ketika MySST diperkenalkan pada September 2018, IHP meningkat dengan kadar 0.3% dari tahun-ke-tahun pada September 2018, berbanding 0.2% pada Ogos 2018. Hal ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk GST Berkadar Sifar yang dilaksanakan dari Jun 2018 hingga Ogos 2018. Pada bulan Jun 2019, kadar IHP mula meningkat ke 1.5%, dan seterusnya, dengan izin, *normalise* pada bulan-bulan yang seterusnya, Julai 2019 dengan kadar 1.4%, dan bulan Ogos 2019, 1.5%.

Tuan Yang-Dipertua,

Pelaksanaan MySST setakat ini adalah selama tempoh 2 tahun dan satu bulan. Sebelum wabak COVID-19 melanda negara, purata kadar inflasi sebanyak 0.7% telah dicatatkan dari September 2018 hingga Februari 2020 iaitu dalam tempoh MySST berkuatkuasa.

Bagi bulan-bulan berikutnya, termasuklah sehingga bulan September 2020, kadar IHP telah menunjukkan angka negatif akibat impak yang menyeluruh terhadap negara berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perkara ini digambarkan melalui IHP yang merekodkan kadar negatif dari bulan Mac sehinggalah September 2020, yang mana penurunan IHP pada bulan April 2020 sebanyak 2.9% merupakan kadar terendah sejak tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menegaskan bahawa, dari segi hasil kerajaan, Kementerian Kewangan sentiasa berusaha untuk mencari sumber hasil yang baharu, tanpa membebankan kos hidup rakyat.

Dalam Belanjawan 2021, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah untuk meningkatkan kutipan hasil. Antara langkah yang telah diperkenalkan termasuklah mengenakan duti eksais pada rokok elektronik dan menghapuskan pengecualian cukai terhadap produk tembakau di pulau bebas cukai. Kerajaan juga akan meningkatkan Pasukan Petugas Pelbagai-Agensi untuk membanteras kegiatan penyeludupan, terutamanya produk yang dikenakan eksais duti yang tinggi.

Selain itu, Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pelbagai langkah meningkatkan pendapatan dan hasil negara, Kajian ini merangkumi analisis mengenai kesan langkah baharu Kerajaan terhadap ekonomi dan rakyat, serta kelemahan sistem percukaian semasa.

Secara keseluruhan, kami akan terus fokus pada pelaksanaan pakej ransangan ekonomi negara dan juga Belanjawan 2021 untuk memastikan bantuan diterima oleh rakyat yang memerlukan. Kami juga akan mengimbangi antara pemulihan ekonomi jangka pendek dan pertumbuhan berterusan jangka panjang.

Sekian, terima kasih.